KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA MUDA

PANDUAN PERMOHONAN LAWATAN MURID SEKOLAH

Setiap sekolah yang merancang lawatan murid sekolah Wajib mematuhi SPI Bil 9 Tahun 2023 bertarikh 16 Jun 2023. Sebelum menghantar borang permohonan lawatan murid sekolah ke PPD Kuala Muda sila pastikan perkara seperti dibawah sebagai panduan.

1. Pastikan borang lawatan mengikut format yang ditetapkan. Sila gunakan borang lawatan yang disertakan.
2. Pihak sekolah tidak dibenarkan mengubahsuai borang lawatan yang sedia ada.
3. Setiap borang perlu diisi lengkap.
4. Setiap borang perlu ditandatangani asli oleh Pengetua/Guru Besar dan ada ulasan ditulis oleh PGB. Pastikan ada cap PGB dan cap rasmi sekolah dalam setiap borang.
5. Pastikan borang kebenaran waris bagi setiap murid dilampirkan bersama.
6. **Semua permohonan perlu melalui PPD**.
7. Bagi memastikan borang permohonan lawatan sampai kepada Pendaftar 30 hari sebelum tarikh lawatan, borang permohonan antara daerah dan antara negeri hendaklah di hantar ke PPD Kuala Muda sekurang-kurangnya 45 hari sebelum tarikh lawatan.
8. Borang permohonan dalam daerah hendaklah sampai ke PPD Kuala Muda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh lawatan.
9. Borang permohonan bagi luar negara hendaklah sampai ke PPD 70 hari sebelum tarikh lawatan.
10. Permohonan LEWAT tidak akan diterima dan akan ditolak.
11. Sentiasa pastikan nisbah guru pengiring adalah seperti dalam lampiran C. Waris tidak dilibatkan sebagai guru pengiring. Pastikan maklumat dalam senarai rombongan diisi dengan lengkap termasuk nombor telefon.
12. Semak bahagian kutipan dan perbelanjaan, kedua-duanya mestilah seimbang.
13. Sebarang perubahan bilangan murid, pindaan tarikh dan tempat lawatan tidak dibenarkan setelah mendapat kelulusan daripada PPD dan JPNK. Jika ada pindaan, perlu membuat permohonan baharu mengikut peraturan yang sedia ada.
14. Perjalanan pada waktu malam adalah tidak dibenarkan. Sekurang-kurangnya bertolak jam 7 pagi dan tiba di sekolah sebelum atau pada pukul 12.00 malam.
15. Semua aktiviti lasak adalah tidak dibenarkan kecuali ada jurulatih atau penyelamat nyawa yang bertauliah. Sila sertakan sijil pentauliahan.
16. Semua permohonan perlu dihantar ke unit pengurusan sekolah PPD Kuala Muda.
17. Sila pastikan dokumen lengkap seperti senarai Semak di bawah sebelum menghantar borang permohonan lawatan murid.

Senarai Semak

Bil	DOKUMEN	BIL. DOKUMEN	(√)
1	Surat iringan daripada pihak sekolah	1	
2	Lampiran muka hadapan lawatan (Surat kebenaran melancong)	4	
3	Borang permohonan lawatan murid sekolah (Lampiran A)	4	
4	Kertas kerja	1	
5	Surat kebenaran waris bagi setiap murid	1	

DISEDIAKAN OLEH,
SEKTOR PENGURUSAN SEKOLAH,
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA MUDA.

Dikemaskini pada 1 Februari 2026